

MATA WANG KRIPTO: CABARAN DALAM PENTADBIRAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA

Cryptocurrency: The Challenges in the Estate Administration in Malaysia

^{i*} Muhamad Mu'izz Abdullah

ⁱ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600, Selangor, Malaysia.

*(Corresponding author): muizz@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan mata wang kripto sebagai mata wang digital telah menjadi satu fenomena pada masa kini termasuklah di Malaysia. Namun timbul beberapa isu utama dalam pelaksanaannya terutama melibatkan penggunaan teknologi kriptografi yang rumit bagi mengelakkan pencerobohan data oleh pihak ketiga. Kesannya, ini akan menyebabkan pentadbiran harta pusaka kelak akan menghadapi kesukaran. Justeru, artikel ini akan menganalisis cabaran penggunaan mata wang kripto daripada perspektif pentadbiran harta pusaka khususnya daripada sudut perundangan dan teknologi. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan terhadap artikel jurnal, akta-akta, fatwa-fatwa negeri, keratan akhbar dan laman sesawang. Kajian ini mendapati bahawa perwarisan harta pusaka berbentuk mata wang digital ini dilihat semakin sukar sekiranya tiada garis panduan yang jelas dan penggunaan teknologi *blockchain* yang rumit boleh menyebabkan pentadbiran harta pusaka kelak menjadi semakin mencabar.

Kata kunci: cabaran; mata wang kripto; mata wang digital; pentadbiran harta pusaka.

ABSTRACT

The introduction of cryptocurrency as a digital currency has become a phenomenon nowadays including in Malaysia. Cryptocurrency has been widely used to replace fiat money in various transactions. However, some major issues arise in its implementation, especially in the matter of the estate administration. This is because complex cryptographic technology to prevent data intrusion by third parties causes the estate administration will face difficulties. Therefore, this article will analyze the challenges of using cryptocurrency from the perspective of estate administration. This study uses a qualitative method by analyzing journal articles, acts, state fatwas, newspapers and websites. This study found that inheritance in the form of digital currency is seen as increasingly difficult if there are no clear guidelines, and the use of complex blockchain technology can cause the estate administration to become increasingly challenging.

Keywords: challenges; cryptocurrency; digital currency; estate administration.

PENDAHULUAN

Semenjak mata wang kripto diperkenalkan oleh Satoshi Nakamoto berasaskan teknologi *blockchain* pada tahun 2009, masyarakat global kini mula memberi perhatian kepada mata wang digital tersebut. Di antara mata wang digital tersebut dikenali sebagai *bitcoin*.¹ Ciri-ciri mata wang kripto yang unik dan kompleks telah menjadikan transaksinya lebih kontroversi dan menambah polemik dalam kalangan pengguna mahupun cendekiawan. Malah terdapat juga sudut positif penggunaannya yang menjadikan mata wang kripto tersebut semakin popular. Menurut Hon et. Al (2022) menjelang 2021, terdapat kira-kira 3 juta pemilik aset kripto di seluruh dunia, dan menjelang akhir Disember 2022, jumlah itu dijangka mencecah 1 bilion.²

Mata wang kripto tidak wujud secara fizikal seperti penggunaan wang fiat pada masa kini. Namun, ia mempunyai nilai tersendiri dalam kalangan komoditinya walaupun tidak dikeluarkan oleh mana-mana bank di dunia. Modus operandi mata wang kripto adalah berdasarkan sistem pengkomputeran (*peer-to-peer*) yang dipanggil *blockchain* tanpa melalui pihak ketiga seperti bank. Sebarang transaksi telah disulitkan (*encryption*) menggunakan teknik yang dipanggil kriptografi berasaskan kepada prinsip matematik lanjutan dan prinsip kejuruteraan komputer.³ Kesannya, menjadikan ia hampir mustahil untuk dicerobohi, diduplikasi ataupun dipalsukan Tujuannya adalah untuk menjamin keselamatan pengguna yang melibatkan pembelian (*buying*), penjualan (*selling*), dan perpindahan (*transferring*) atau penerimaan (*receiving*) unit *bitcoin*.⁴

Jika sebelum ini sektor kewangan Islam bersikap skeptikal terhadap mata wang kripto ini, namun kesedaran itu semakin meningkat. Malah negara Timur Tengah seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Arab Saudi merupakan pemain utama dalam mata wang kripto ini⁵. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan oleh IslamicMarkets.com, meramalkan berlaku peningkatan drastik melibatkan penggunaan mata wang kripto di Malaysia. Malah lebih 450,000 akaun Pertukaran Aset Digital (DAX) dibuka pada 2021 daripada empat platform DAX berdaftar di Malaysia iaitu Luno Malaysia Sdn Bhd, MX Global Sdn Bhd, SINEGY DAX Sdn Bhd and Tokenize Technology (M) Sdn Bhd, seperti yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia⁶.

Berdasarkan data yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan signifikan perbincangan mengenai mata wang kripto. Ini kerana, rakyat Malaysia khususnya mula memberi perhatian dalam transaksi mata wang digital tersebut. Namun begitu, terdapat isu-isu berkaitan yang berlaku seperti tidak dinaungi oleh Bank Negara Malaysia (BNM), terdedah kepada *gharar*, tidak boleh dijejaki dan mudah terdedah kepada cuci wang (*money laundering*), tiada peraturan dan undang-undang, risiko keselamatan, risiko penipuan, risiko pasaran, risiko sistem dan tiada jaminan daripada kerajaan. Malah,

¹ Ashraf Md Hashim et al., "Mata Wang Kripto (Cryptocurrency): Satu Analisa Syara", *JAKIM*, (2022): 1-65.

² Henry Hon et al., "Crypto Market Sizing Report 2021 and 2022 Forecast." In *Crypto.Com*. Diakses pada 9 Ogos, 2023, <https://crypto.com/research/2021-crypto-market-sizing-report-2022-forecast>.

³ Mohammed Sawkat Hossain, "What do we know about cryptocurrency? Past, present, future," *China Finance Review International* 11, no 4 (2021): 552-572.

⁴ Wim Raymaekers, "Cryptocurrency Bitcoin: Disruption, challenges and opportunities," *Journal of Payments Strategy & Systems* 9, no 1 (2014): 30-40.

⁵ Astro Awani. (2022), "Penggunaan mata wang kripto, aset digital dalam sektor kewangan Islam dijangka terus meningkat". Diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/penggunaan-mata-wang-kripto-aset-digital-dalam-sektor-kewangan-islam-dijangka-terus-meningkat-382041>.

⁶ Fintech News Malaysia. (2022), "Malaysia Fintech Report 2021" In *Fintech News Malaysia*, diakses pada 9 Ogos, 2023, <https://fintechnews.my/wp-content/uploads/2021/05/Fintech-Report-Malaysia-2021-Fintech-News-Malaysia-x-BigPay.pdf>.

penelitian khusus juga perlu diberikan mengenai cabaran perwarisan mata wang kripto selepas kematian pemilik mata wang kripto tersebut. Ini kerana, tiada garis panduan yang jelas sehingga kini dalam urusan pentadbiran harta pusaka melibatkan mata wang kripto di Malaysia.⁷ Justeru, artikel ini akan menganalisis cabaran penggunaan mata wang kripto daripada perspektif perundangan dan teknologi yang bakal dihadapi oleh waris-waris si mati.

ANALISIS SOROTON LITERATUR

Perwarisan harta pusaka adalah merujuk kepada aset yang ditinggalkan oleh si mati sama ada berbentuk harta alih atau harta tidak alih. Termasuk dalam kategori harta pusaka adalah:⁸

1. Harta yang diperolehi secara halal sewaktu hidup.
2. Sewaan yang masih belum dilangsaikan kepada si mati.
3. Hutang yang dibayar semula selepas kematian si mati.
4. Sebarang dividen yang terhasil daripada harta si mati.
5. Duit simpanan seperti bank, KWSP, SSPN dan sebagainya.
6. Penama takaful.

Berdasarkan definisi harta pusaka di atas, dapat difahami bahawa mata wang kripto juga adalah termasuk dalam kategori harta alih yang akan diwarisi oleh waris si mati. Malah penggunaan mata wang kripto sebagai mata wang digital turut diperakui sah oleh kerajaan Malaysia melalui peruntukan Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 Perintah Pasaran Modal Dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 Dan 7) 2021 pada perkara:⁹

25(1): "Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau menerbitkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli, mata wang digital atau token digital kepada mana-mana orang melalui suatu pasaran diiktiraf dan mematuhi kehendak sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Suruhanjaya."

Selain itu, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam mesyuarat ke-233 dan ke-234 pada 2020 memutuskan bahawa kedua-dua mata wang digital dan token digital dianggap sebagai harta (*al-māl*):

"Mata wang digital adalah diiktiraf sebagai māl menurut perspektif Syariah."

"Token digital boleh diiktiraf sebagai māl di bawah kategori `urūdh menurut perspektif Syariah."

Sehubungan dengan itu, di Malaysia, kedudukan undang-undang Islam terletak dalam kuasa negeri seperti yang diberikan dalam Senarai II, Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan dan jawatankuasa fatwa negeri adalah badan yang berwibawa untuk

⁷ Nur Syaedah Kamis, Mardiyah Mohd Isa dan Nur Syamilah Md Noor, "Can Muslim Inherit Bitcoin? Discovering The Continuity Of Digital Asset In Perlis," *International Journal of Islamic Business* 7, no 2 (2022): 44-51.

⁸ Wan Abdul Halim Wan Harun, "Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka," Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2006): 358-379.

⁹ Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 Perintah Pasaran Modal Dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 Dan 7) 2021.

mengeluarkan ketetapan Islam di negeri masing-masing Malaysia.¹⁰ Setakat ini, terdapat beberapa jawatankuasa fatwa negeri yang telah mengeluarkan ketetapan mengenai mata wang digital iaitu:

a) Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-4/2021 yang bersidang pada 17 Ogos 2021.

“Harus untuk menjalankan urusan niaga menggunakan mata wang digital sama ada sebagai perantara pembayaran (medium of payment), pemindahan wang (remittance) dan aset simpanan..”

b) Perlis

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-38/201, 8-9 November 2018.

“Sifat dan kesahihan nilai harta pada Bitcoin : Ianya sah dan boleh diiktiraf sebagai punyai nilai harta berdasarkan sifat ‘multi-function and benefit’ yang diperolehi oleh pemilik Bitcoin.”

c) Perak

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada 4 Ogos 2021.

“Keharusan menjalankan urusan niaga menggunakan mata wang digital sama ada sebagai perantara pembayaran (medium of payment), pemindahan wang (remittance) dan aset simpanan...”

d) Sarawak

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-36 pada 22 Januari 2024.

i. *“Urus niaga hendaklah dilakukan melalui platform pertukaran mata wang digital berlesen yang **dilulus** dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja.*

ii. *Mata wang digital tidak boleh digunakan sebagai bayaran kepada barangan, perkhidmatan dan aktiviti yang tidak patuh Syariah seperti pembelian dadah, pelacuran, perjudian dan penyaluran dana bagi aktiviti keganasan serta pengubahan wang haram.”*

e) Kelantan

Bersidang pada 2 Mei 2018.

*“Setelah membincangkan isu ini dengan terperinci mesyuarat bersetuju memfatwakan hukum penggunaan duit digital (Bitcoin) untuk membuat penjualan, pembelian, pajakan dan urusan niaga lain adalah **tidak diharuskan** menurut syarak. Keputusan ini dibuat berdasarkan sebab –sebab berikut:*

¹⁰ Nur Syaedah Kamis, Mardziah Mohd Isa dan Nur Syamilah Md Noor, “Can Muslim Inherit Bitcoin? Discovering The Continuity Of Digital Asset In Perlis (2022): 44-51.

- i. *Ia tidak patuh terhadap sistem pengawalan dan keselamatan maya.*
 - ii. *Ia bertentangan dengan kewangan berpusat untuk negara-negara dan bank-bank pusat.*
 - iii. *Ia digunakan untuk melepaskan diri daripada agensi keselamatan bagi menjalankan aktiviti haram.....”*
- f) **Wilayah Persekutuan** Bayān Linnās Siri Ke-153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin, dikeluarkan pada 15 November 2018.

*“Maka mata wang bitcoin dalam bentuk yang ada pada masa sekarang adalah **tidak syar’iy** kerana ia tidak menepati sepenuhnya ciri-ciri mata wang yang digariskan oleh Islam, dan ia mampu memberikan pelbagai ancaman terhadap kemaslahatan umum. Namun begitu, hukum ini boleh berubah jika penambahbaikan dilakukan terhadap bitcoin samada dari sudut pengeluaran, pengawalan harga, sistem keselamatan di bursa dan regulasi untuk mengelakkannya daripada dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.*

Berdasarkan hujahan ini juga, Mesyuarat Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan telah memutuskan bahawa Bitcoin yang terdapat pada masa sekarang tidak menepati ciri-ciri mata wang yang telah ditetapkan oleh Islam, diputuskan bahawa Bitcoin mampu mengundang pelbagai kemudaratan terhadap sistem kewangan sesebuah negara. Oleh kerana itu, penggunaan Bitcoin yang ada pada masakini sebagai satu mata wang adalah dilarang bagi memelihara kemaslahatan umum.”

Berdasarkan beberapa fatwa negeri di atas, terdapat perbezaan fatwa yang mengharuskan penggunaan mata wang digital. Negeri Selangor, Perlis dan Perak adalah negeri yang membenarkan. Manakala Negeri Sarawak membenarkan penggunaannya akan tetapi bersyarat iaitu dikawal selia oleh pihak berautoriti dan transaksi dalam perkara yang patuh syariah sahaja. Manakala Negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang tidak membenarkan penggunaan wang digital ini kerana ciri-cirinya yang tidak patuh syariah disamping faktor utama ciri-ciri keselamatan yang ada padanya.

Bagi pandangan fatwa yang mengharuskan penggunaan mata wang digital ini, kajian ini berpendapat bahawa mata wang digital ini boleh diwariskan kepada waris-waris selepas berlakunya kematian pemiliknya. Namun demikian, timbul tanda-tanya dan kekusaran dalam kalangan masyarakat adakah proses pentadbiran pusaka kelak sama seperti aset alih yang lain. Ini kerana, perwarisannya kelak memerlukan kepada maklumat yang terperinci mengenai akaun *e-wallet* si mati tersebut. Waris akan menghadapi kesukaran kerana kata kuncinya yang sulit dan hanya diketahui oleh pemiliknya setiap kali membuat transaksi.¹¹

¹¹ Liyan Wang, Juntao Gao dan Xuelian Li, “Efficient Bitcoin Password-protected Wallet Scheme with Key-dependent Message Security,” *International Journal of Network Security* 21, no 5, (2019): 774-784.

Sehingga kini, isu-isu pentadbiran harta pusaka melibatkan mata wang digital ini masih kurang dibahaskan daripada perspektif syariah dan undang-undang.¹² Mahomed dan Ramadili Mohd (2017) menegaskan sekiranya mata wang kripto diterima sebagai aset atau *al-māl*, maka implikasinya terhadap pewarisan memerlukan pertimbangan Syariah.¹³ Justeru, kajian ini menyenaraikan soroton literatur bagi 5 tahun terkini bermula tahun 2019-2023 bagi melihat sejauh manakah perbincangan mengenai mata wang digital telah dilakukan untuk mengetahui signifikan kajian yang sedang dilakukan ini. Dengan menggunakan kata kunci “mata wang digital”, “*bitcoin*” dan “Malaysia” sebanyak 55 artikel telah diperolehi daripada *data base* Google Scholar. Pemilihan *data base* Google Scholar kerana artikel ilmiah yang diterbitkan mudah diperolehi dan lebih banyak berbanding di *data base* lain seperti Scopus, Clarivate Analytics, Semantic Scholar, al-Manhal dan lain-lain lagi.

Jadual 1: Soroton Literatur

No.	Penulis	Objektif kajian	Tema
1	Abdul Rashid et al (2021), Othman et al (2023)	<ul style="list-style-type: none"> Kajian berbentuk analisis bibliometrik ke atas 1680 artikel dengan menggunakan kata kunci “<i>bitcoin</i>” di <i>data base</i> Scopus bermula daripada tahun 2015-2020. 	Bibliometrik dan Systematic Literature Review (SLR)
2	Mohd. Zain et al (2019), Nawang et al (2021), Sanghvi & Selvam (2022), Mohd Radzi et al (2023), Yussof & Al-Harthy (2023)	<ul style="list-style-type: none"> Penyelidikan ini meneroka kedudukan semasa kontrak pintar (<i>smart contract</i>) dan sudut perundangan (<i>legal framework</i>) <i>blockchain</i> di Malaysia. 	Perundangan (legal framework)
3	Mohd Yaakob ^a et al (2019), Mohd Yaakob ^b et al (2019), Mohd Yaakob et al (2019), Yusof et al (2021), Yusof & Ab. Rasid (2021),	<ul style="list-style-type: none"> Objektif kajian ini bertujuan meneroka risiko penggunaan <i>Bitcoin</i>; dan meneroka kesediaan institusi zakat dalam penerimaan transaksi <i>Bitcoin</i>. Mengkaji isu, cabaran dan strategi dalam pembayaran zakat. 	Zakat

¹² Nur Syaedah Kamis dan Norazlina Abd. Wahab, “Analysing The Loopholes on Estate Administration of Cryptocurrency in Malaysia: Shariah and Law Perspectives,” *International Journal of Islamic Business* 7, no 2, (2022): 65-77.

¹³ Ziyaad Mahomed dan Shamsheer Mohamad, “Crypto Mania: The Shariah Verdict,” *CIAWM Bulletin*, 3, diakses pada 14 Disember 2022, <https://ikr.inceif.org/handle/INCEIF/2889>.

	Rosyadhi & Abu Salim (2022), Khairi et al (2022), Nik Abdullah et al (2022)		
4	Saadat et al (2019),	<ul style="list-style-type: none"> Kajian bertujuan untuk menyelesaikan isu <i>crowdfunding</i> melibatkan <i>Bitcoin</i>. Penggunaan kontrak pintar <i>Ethereum</i> dicadangkan untuk elakkan penipuan agar sesuatu projek dapat dilaksanakan. 	
5	Wan Muhamad Fokria et al (2020), Miraz et al (2021), Wahab (2022), Mohd Amin et al (2022)	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti jenis mata wang kripto dan fungsinya. Meneroka aplikasi <i>blockchain</i> dalam pelbagai industri seperti kewangan, insurans, bekalan & rangkaian pengurusan, tenaga, media & pengiklanan, hartanah, dan sektor perubatan. 	
6	Abdullah Othman et al (2019),	<ul style="list-style-type: none"> Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri mata wang <i>Bitcoin</i> berasaskan mengenai keperluan High-Quality Liquid Assets (HQLA) berteraskan kepada piawaian Basel III, dan membandingkan struktur turun naik mata wangnya. 	
7	Chin & Omar (2020)	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji kesan sentimen harga <i>Bitcoin</i> menggunakan Memori Jangka Panjang Pendek (LSTM) dengan tempoh kajian daripada September 2017 hingga Ogos 2019. 	
8	Halil Paino et al (2019)	<ul style="list-style-type: none"> Kajian dilakukan untuk melihat sejauh manakah mata wang kripto boleh menggantikan wang fiat pada masa kini. 	
9	Assan Jeng et al (2020)	<ul style="list-style-type: none"> Kajian ini memberi tumpuan kepada mewujudkan model untuk indeks patuh Syariah, indeks konvensional dan indeks <i>Bitcoin</i> di Malaysia 	
10	Nur Ilham et al (2019)	<ul style="list-style-type: none"> Kajian ini menyiasat bagaimana untuk memaksimumkan peluang yang membolehkan <i>Bitcoin</i> dalam menyumbang untuk hasil cukai di Indonesia. 	
11	Zulkepli et al (2021)	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji konsep kontrak pintar (<i>smart contract</i>). Serta mengenal pasti kelebihanannya untuk operasi perbankan Islam berasaskan pembiayaan produk <i>tawarruq</i>. 	Kewangan, perbankan dan Pelaburan
12	Quan et al (2023)	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan maklumat berguna kepada pelabur dalam pengurusan risiko dan analisis portfolio. 	
13	Gazali et al (2019), Ku-Mahamud et al (2019), Ayedh et al (2020),	<ul style="list-style-type: none"> Kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat masyarakat untuk melabur dalam <i>Bitcoin</i>. Kajian berbentuk kuantitatif untuk menyiasat tahap kesedaran, kepercayaan, penggunaan 	Kefahaman

	Gillies et al (2020), Amjad Gafar et al (2021), Ghaisani et al (2022), Rosdin et al (2023), Doraisamy et al (2023)	<p>teknologi <i>blockchain</i>, faktor keselamatan dan pengaruh sosial dalam kalangan responden yang pelbagai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian menggunakan Teori Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu (UTAUT). 	
14	Othman et al (2022),	<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis sentimen beberapa cendekiawan dan pakar kewangan Islam terkenal di Malaysia mengenai topik berkaitan mata wang kripto. Ulasan mereka dikumpulkan daripada platform media sosial seperti akaun Facebook dan Twitter. 	
15	Xin Tong et al (2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelidikan bertujuan untuk mencadangkan sistem E-Voting yang menggabungkan teknologi <i>blockchain</i> untuk sistem pilihan raya Malaysia. 	Teknologi dan Inovasi
16	Marwan & Prayogo (2019), Miraz et al (2019)	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian dilakukan untuk melihat revolusi pelaksanaan mata wang kripto dalam kehidupan sosial masyarakat dan pasaran market. Pelaksanaannya memberi idea desentralisasi, ketelusan, kesaksamaan dan akauntabiliti. 	Kesan
17	Che Rani & Salleh ^a (2019)	<ul style="list-style-type: none"> • Artikel ini memfokuskan perbincangan tentang mekanisme operasi <i>Bitcoin</i> serta <i>maslahah</i> dan <i>mafsadah</i> yang wujud dalam sistem kewangan <i>Bitcoin</i> dalam langkah merealisasikan konsep <i>hifz al-Māl</i>. 	
18	Che Rani & Salleh ^b (2019), al-Hussaini et al (2019), Wan Zainal Alam et al (2020), Engku Ali et al (2022), Mujani et al (2022), Nor Azelan ^a et al (2023), Nor Azelan ^b et al (2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Artikel ini memfokuskan perbincangan tentang mekanisme operasi <i>Bitcoin</i> serta relevansi <i>Bitcoin</i> dalam berfungsi sebagai medium pertukaran, alat pengukur nilai dan alat menyimpan nilai menurut perspektif Syariah. 	Hukum Fiqh
19	Auyezbekova et al (2019)	<ul style="list-style-type: none"> • Meneroka ciri-ciri <i>blockchain</i> seperti desentralisasi, kebolehesanan dan konsensus yang boleh digunakan untuk menangani isu yang berkaitan dengan institusi pendidikan di Kazakhstan dan Malaysia. 	
20	Abd Razak et al (2020)	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan mengenai wakaf <i>blockchain</i> untuk pendidikan kewangan Islam. Kajian kes dijalankan di Universiti Malaysia Sabah. 	Pendidikan
21	Surip ^a et al (2022)	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian tertumpu kepada perdagangan jual beli mata wang kripto Dogecoin di Exchanger Binance menggunakan Pembangunan Perisian Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK). 	

			Aplikasi ini dikhususkan kepada golongan penganggur, pelajar universiti dan masyarakat yang berumur 18 tahun ke atas.
22	Surip ^b et al (2022)	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis mata wang kripto Siacoin menggunakan Indikator Teknikal Jalur Bollinger 	
23	Kamis & Wahab (2022)	<ul style="list-style-type: none"> Menyiasat kelemahan mata wang kripto dalam pentadbiran harta pusaka daripada sudut undang-undang dan Syariah. 	
24	Kamis et al (2022)	<ul style="list-style-type: none"> Mengetahui hukum perwarisan harta pusaka <i>Bitcoin</i> mengikut berdasarkan perundangan Syariah di Perlis. 	
25	Kamis et al (2023)	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis undang-undang dan isu Syariah mengenai pentadbiran harta pusaka melibatkan mata wang kripto daripada perspektif undang-undang dan Syariah Malaysia 	Pentadbiran Pusaka
26	Katuk et al (2022)	<ul style="list-style-type: none"> Mengumpul bukti mengenai isu dan cabaran dalam perancangan harta pusaka melibatkan mata wang kripto. Mengkaji pendekatan atau kaedah yang mungkin untuk menanganinya pada peringkat global dan di Malaysia. 	

Berdasarkan hasil soroton literatur dalam Jadual 1 di atas, jelas kelihatan perbincangan yang mendalam dalam kalangan pengkaji mengenai pelbagai isu melibatkan mata wang digital. Dapat dirumuskan daripada 55 kajian tersebut adalah tertumpu kepada 10 tema utama:

Jadual 2: Tema kajian soroton literatur

No	Tema	Jumlah
1	Kewangan, perbankan dan Pelaburan	12
2	Kefahaman	9
3	Zakat	8
5	Hukum Fiqh	8
6	Perundangan (<i>legal framework</i>)	5
7	Pendidikan	4
8	Pentadbiran Pusaka	4
9	Bibliometrik dan <i>Systematic Literature Review</i>	2
10	Kesan	1
11	Teknologi dan Enovasi	1
	Jumlah	55

Berdasarkan pengamatan penulis, kajian secara khusus menyentuh perwarisan harta pusaka melibatkan mata wang digital masih ditahap rendah. Kajian ini melihat perlunya kajian lanjutan. Justeru, kajian ini akan memberi tumpuan kepada dua cabaran utama iaitu daripada perspektif undang-undang dan teknologi.

CABARAN DALAM PENTADBIRAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA

Mata wang digital seperti *Bitcoin* menghadapi dua cabaran utama khususnya dalam proses pentadbiran harta pusaka si mati. Rasionalnya, cabaran ini timbul kerana tiada garis panduan yang jelas daripada sudut perundangan dan teknologinya yang rumit.

Cabaran 1: Undang-undang

Semenjak mata wang digital seperti kripto diperkenalkan, terdapat beberapa buah negara yang tidak mengiktiraf kewujudannya seperti Bangladesh, Bolivia, Ecuador dan Kyrgyzstan.¹⁴ Namun, kebanyakan negara masih menerima mata wang digital tersebut dan meletakkan garis panduan melalui perundangan yang digubal seperti Malaysia. Sebagai contoh, Malaysia telah memperkenalkan Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 Perintah Pasaran Modal Dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 Dan 7) 2021 seperti mana disebutkan dalam perkara 25(2) yang mengesahkan penggunaan mata wang digital dan token adalah diklasifikasikan sebagai sekuriti:

“Mata wang digital ertinya mata wang digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital)”

Malangnya, tidak dinyatakan garis panduan secara terperinci mengenai perwarisan harta pusaka bagi pemilik aset yang meninggal dunia. Malah sehingga kini, menurut Zulkepli & Bustami (2021), tiada lagi akta yang diperkenalkan untuk perwarisan harta pusaka melibatkan aset digital untuk melindungi waris si mati. Malah, begitu juga tidak dinyatakan hukum perwarisan secara jelas dalam enakmen Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sekiranya kes tersebut di bawah ke Mahkamah Syariah, pastinya akan menyebabkan berlakunya perbezaan keputusan oleh Hakim Syarie kelak.¹⁵ Justeru, ini akan memberikan implikasi yang besar kepada pihak kerajaan, ahli keluarga dan akan menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah harta tidak dituntut.¹⁶

Selain itu, hanya pemilik sah aset digital yang berhak untuk memindahkan atau memulangkan mata wang kripto kepada pihak lain walaupun pemindahan tersebut telah tersilap seperti yang dilakukan oleh platform DAX berdaftar di Malaysia. Dalam kes seperti Robert Ong Thien Cheng v Luno Pte Ltd & Bitx Malaysia Sdn Bhd [2020] 1 LNS 2194. Kes ini berlaku apabila Luno Pte Ltd telah melakukan kesilapan pemindahan transaksi tersebut kepada pihak perayu dengan jumlah melebihi 11.3 *Bitcoin*. Ini berikutan pihak perayu dengan sengaja melewati bayaran semula tersebut. Mahkamah Tinggi telah memerintahkan aset digital tersebut dipulangkan semula berdasarkan Seksyen 73, Akta Kontrak 1950.¹⁷

“(73) Liability of person to whom money is paid, or thing delivered, by mistake or under coercion A person to whom money has been paid, or anything delivered, by mistake or under coercion, must repay or return it.”

Penghakiman diputuskan adalah seperti berikut:

¹⁴ Hiral Sanghvi, Donald Selvam dan Jovine See Wey Ling, “Illegal Roads Leading to Legal Ends: Bitcoin Mining in Malaysia,” *Asian Journal of Law and Policy* 2, no. 1 (2022): 1-14.

¹⁵ Mohd Yazid Zul Kepli dan Tajul Aris Ahmad Bustami, “Cryptocurrencies and Digital Assets: Issues and Challenges from The Inheritance Law Perspective”, *Tunku Ja'afar Conference and Workshop 2021 (TJC2021)*, (2021): 1-13.

¹⁶ Norliza Katuk, Norazlina Abd Wahab dan Nur Syaedah Kamis, “Cryptocurrency Estate Planning: The Challenges, Suggested Solutions and Malaysia’s Future Directions,” *Digital Policy, Regulation and Governance* 25, no. 4, (2023): 325-350.

¹⁷ Ali Jabbar Saleh et al., “Legal Aspects of the Management of Cryptocurrency Assets in the National Security System,” *Journal of Security and Sustainable Issues* 10, no. 1, (2020): 235-247.

(2) “The Respondents have premised their claim wholly and exclusively on Section 73, Contracts Act 1950 (‘S. 73 CA’), in that they claim that the Appellant is liable to return 11.3 Bitcoins (‘the Additional Bitcoins’) that were allegedly transferred to the Appellant due to a technical error on their part.”

Kesimpulannya, perwarisan harta pusaka berbentuk mata wang digital ini dilihat semakin sukar sekiranya tiada garis panduan yang jelas. Perkara ini akan lebih rumit sekiranya kata laluan tidak diketahui oleh waris-waris yang lain bagi membuat tuntutan.¹⁸

Cabaran 2: Teknologi

Teknologi *blockchain* yang digunakan tidak sama seperti wang elektronik yang lain dan ia tidak disokong oleh mana-mana wang fiat. Ia dicipta dalam satu sistem melalui proses yang dipanggil perlombongan (*mining*) yang dikawal oleh perisian *blockchain* sebagai teknologi asas. Justeru, ini menjadikan transaksi elektronik melalui internet lebih cekap, ketelusan, amanah dan konsisten.¹⁹ Pemilikan mata wang digital ini memerlukan kepada kata kunci yang panjang dan kompleks dan ia diperlukan sewaktu sebarang transaksi dilakukan. Justeru, kajian ini mendapati bahawa proses yang rumit ini akan menyebabkan berlakunya beberapa cabaran dan kerumitan dalam pentadbiran harta pusaka kelak seperti berikut²⁰:

- 1) Secara teknikal, adalah mustahil bagi pihak waris untuk mengetahui kata kunci *e-wallet* tersebut walaupun Surat Kuasa Mentadbir (SKM) telah diperolehi daripada Mahkamah Tinggi.
- 2) Apabila pemilik mata wang digital tersebut meninggal dunia, perlindungan sekuriti untuk kata kunci tersebut akan ditingkatkan.
- 3) Mata wang digital tersebut kemungkinan akan lenyap dari sistem sekiranya pemilik gagal menamakan waris sebaik mereka meninggal dunia.
- 4) Pentadbiran harta pusaka semakin sukar sekiranya waris si mati tidak mengetahui kewujudan akaun mata wang digital tersebut.
- 5) Tidak seperti harta pusaka berbentuk tunai yang dikawal selia di bawah Bank Negara Malaysia (BNM). Selepas tempoh beberapa tahun akaun bank si mati tersebut tidak aktif, duit tersebut akan dihantar ke *Unclaimed Money* sehinggalah berjaya dituntut oleh pihak waris. Namun, ia berbeza sama sekali dengan mata wang digital sekiranya akaun tersebut telah lama tidak aktif. Kemanakah mata wang digital berada?.
- 6) Penyimpan *Bitcoin* tidak dikenali kerana tiada maklumat peribadi diperlukan ketika membuka *e-wallet*. Oleh itu, setiap individu boleh membuka seberapa banyak *e-wallet* untuk dijadikan tempat simpanan *Bitcoin*. Justeru, ini lebih menyukarkan untuk proses pengesahan dan semakan aset si mati.
- 7) Pihak ketiga juga tidak dibenarkan mengakses atau membuat pengesahan mata wang kripto tersebut bagi pihak yang lain. Ini termasuklah pihak berautoriti seperti Amanah Raya Berhad (ARB) mengikut bidang kuasanya untuk aset alih di bawah RM600k berdasarkan Akta Perbadanan Amanah Raya (APAR) 1995.

¹⁸ Saleh et al., “National Security System,” 235-247.

¹⁹ Katuk et al., “Malaysia’s Future Directions,” 325-350.

²⁰ Nur Syaedah Kamis dan Norazlina Abd. Wahab, “Analysing The Loopholes on Estate Administration of Cryptocurrency in Malaysia: Shariah and Law Perspectives,” *International Journal of Islamic Business* 7, no. 2, (2022): 65-77. Katuk et al., “Malaysia’s Future Directions,” 325-350.

Cabaran penggunaan mata wang digital seperti *blockchain* dalam konteks pentadbiran harta pusaka melibatkan beberapa isu teknikal yang rumit. Kekangan teknikal seperti kata kunci *e-wallet* yang tidak dapat diakses oleh waris walaupun dengan Surat Kuasa Mentadbir (SKM) dari Mahkamah Tinggi mencerminkan tahap keselamatan yang sangat tinggi dalam sistem *blockchain*. Keselamatan *blockchain* direka untuk memastikan bahawa hanya pemilik sah yang dapat mengakses aset digital, menyebabkan masalah besar jika pemilik meninggal dunia tanpa menyerahkan kata kunci kepada waris. Selepas kematian pemilik, perlindungan sekuriti terhadap kata kunci tersebut ditingkatkan dan menyukarkan lagi akses.²¹ Sekiranya pemilik tidak menamakan waris, aset digital tersebut berisiko hilang dari sistem, menyulitkan lagi proses pentadbiran harta pusaka. Ketiadaan mekanisme pemulihan atau pencerahan kata kunci setelah kematian pemilik menjadi isu utama yang perlu ditangani oleh sistem *blockchain*.²²

Selain itu, sifat *Bitcoin* dan keupayaan untuk membuka pelbagai *e-wallet* tanpa memerlukan maklumat peribadi menyukarkan pengesahan dan semakan aset oleh waris. Tanpa maklumat peribadi, proses menuntut atau mengenal pasti aset digital si mati menjadi hampir mustahil.²³ Ini berbeza dengan harta pusaka tunai yang lebih mudah diurus dan ditadbir kerana wang simpanan boleh disimpan di bank dan dikawal selia oleh BNM. Hal ini menimbulkan persoalan mengenai keberadaan dan nasib mata wang digital dalam akaun yang lama tidak aktif. Ketiadaan akses oleh pihak ketiga yang berautoriti seperti ARB untuk mengurus atau mengesahkan mata wang kripto, menambah lagi lapisan kesukaran dalam pengurusan harta pusaka yang melibatkan aset digital. Justeru, sistem *blockchain* perlu merangka solusi yang boleh mengintegrasikan keperluan perundangan dan pentadbiran harta pusaka tanpa mengorbankan prinsip keselamatan.²⁴

KESIMPULAN

Tidak dinafikan penggunaan mata wang digital seperti *Bitcoin* dalam kalangan komunitinya semakin signifikan dalam dunia global pada masa kini. Namun, artikel ini hanya memberi penumpuan kepada aspek perundangan dan teknologi khususnya dalam pentadbiran harta pusaka si mati. Justeru, artikel ini melihat bahawa isu-isu dan cabaran tersebut sewajarnya mendapat perhatian pihak pembuat dasar dalam menetapkan garis panduan khususnya dalam dalam isu pentadbiran harta pusaka di Malaysia melibatkan pemilik mata wang digital. Ini kerana, mata wang tersebut telah diperakui sah oleh Suruhanjaya Sekuriti dan diiktibarkan sebagai harta (*al-māl*) oleh majlis fatwa melibatkan Negeri Selangor, Perlis, Perak dan Sarawak. Namun demikian, fatwa tersebut juga tidak menyentuh mengenai pengurusan harta pusaka melibatkan *Bitcoin* tersebut secara khusus. Kajian ini mendapati bahawa perwarisan harta pusaka berbentuk mata wang digital ini dilihat semakin sukar sekiranya tiada garis panduan yang jelas dan penggunaan teknologi

²¹ Somboun Tern, "Survey of Smart Contract Technology and Application Based on Blockchain," *Open Journal of Applied Sciences* vol. 11, no. 10, (2021): 1135–1148.

²² Katuk et al., "Malaysia's Future Directions," 325-350.

²³ Nashirah Abu Bakar, Sofian Rosbi dan Kiyotaka Uzaki, "E-Wallet Transactional Framework for Digital Economy: A Perspective from Islamic Financial Engineering," *International Journal of Management Science and Business Administration* 6, no. 3, (2020): 50–57.

²⁴ Sodiq Omoola dan Hafsat Kamal Ibrahim, "The Legal Implications of Abandoned Digital Assets in Shari'ah-Compliant Fintech Platforms," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 15 no. 2, (2023): 60–79.

blockchain yang rumit boleh menyebabkan pentadbiran harta pusaka kelak menjadi semakin mencabar.

RUJUKAN

- Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 Perintah Pasaran Modal Dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5, 6 Dan 7) 2021.
- Ali Jabbar Saleh, Farouq Ahmad Faleh Alazzam, Khaled Khalaf Abed Rabbo Aldrou, Zhanna Zavalna, "Legal Aspects of the Management of Cryptocurrency Assets in the National Security System," *Journal of Security and Sustainable Issues* 10, no. 1, (2020).
- Ashraf Md Hashim et al., "Mata Wang Kripto (Cryptocurrency): Satu Analisa Syarak," *JAKIM*, (2022).
- Astro Awani. (2022). "Penggunaan mata wang kripto, aset digital dalam sektor kewangan Islam dijangka terus meningkat", <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/penggunaan-mata-wang-kripto-aset-digital-dalam-sektor-kewangan-islam-dijangka-terus-meningkat-382041>
- Fintech News Malaysia. (2022). "Malaysia Fintech Report 2021", In *Fintech News Malaysia*, diakses pada 9 Ogos 2023, <https://fintechnews.my/wp-content/uploads/2021/05/Fintech-Report-Malaysia-2021-Fintech-News-Malaysia-x-BigPay.pdf>.
- Henry Hon, Kevin Wang, Michael Bolger, William Wu, and Jou Zhou, "Crypto Market Sizing Report 2021 and 2022 Forecast." In *Crypto.Com*. Diakses pada 9 Ogos 2023, <https://crypto.com/research/2021-crypto-market-sizing-report-2022-forecast>.
- Hiral Sanghvi, Donald Selvam dan Jovine See Wey Ling, "Illegal Roads Leading to Legal Ends: Bitcoin Mining in Malaysia," *Asian Journal of Law and Policy* 2, no. 1 (2022).
- Liyan Wang, Juntao Gao dan Xuelian Li, "Efficient Bitcoin Password-protected Wallet Scheme with Key-dependent Message Security," *International Journal of Network Security* 21, no 5, (2019).
- Mohammed Sawkat Hossain, "What do we know about cryptocurrency? Past, present, future," *China Finance Review International* 11, no 4 (2021).
- Mohd Yazid Zul Kepli dan Tajul Aris Ahmad Bustami, "Cryptocurrencies and Digital Assets: Issues and Challenges from The Inheritance Law Perspective", *Tunku Ja'afar Conference and Workshop 2021 (TJC2021)*, (2021).
- Nashirah Abu Bakar, Sofian Rosbi dan Kiyotaka Uzaki, "E-Wallet Transactional Framework for Digital Economy: A Perspective from Islamic Financial Engineering," *International Journal of Management Science and Business Administration* 6, no. 3, (2020).
- Norliza Katuk, Norazlina Abd Wahab dan Nur Syaedah Kamis, "Cryptocurrency Estate Planning: The Challenges, Suggested Solutions and Malaysia's Future Directions," *Digital Policy, Regulation and Governance* 25, no. 4, (2023).
- Nur Syaedah Kamis dan Norazlina Abd. Wahab, "Analysing The Loopholes on Estate Administration of Cryptocurrency in Malaysia: Shariah and Law Perspectives," *International Journal of Islamic Business* 7, no 2, (2022).
- Nur Syaedah Kamis dan Norazlina Abd. Wahab, "Analysing The Loopholes on Estate Administration of Cryptocurrency in Malaysia: Shariah and Law Perspectives," *International Journal of Islamic Business* 7, no. 2, (2022).

- Nur Syaedah Kamis, Mardziah Mohd Isa dan Nur Syamilah Md Noor, "Can Muslim Inherit Bitcoin? Discovering The Continuity Of Digital Asset In Perlis," *International Journal of Islamic Business* 7, no 2 (2022).
- Sodiq Omoola dan Hafsat Kamal Ibrahim, "The Legal Implications of Abandoned Digital Assets in Sharī'ah-Compliant Fintech Platforms," *ISRA International Journal of Islamic Finance* 15 no. 2, (2023).
- Somboun Tern, "Survey of Smart Contract Technology and Application Based on Blockchain," *Open Journal of Applied Sciences* 11, no. 10, (2021).
- Wan Abdul Halim Wan Harun, "Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka," Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2006).
- Wim Raymaekers, "Cryptocurrency Bitcoin: Disruption, Challenges and Opportunities," *Journal of Payments Strategy & Systems* 9, no 1, (2014).
- Ziyaad Mahomed dan Shamsher Mohamad, "Crypto Mania: The Shariah Verdict," *CIAWM Bulletin*, 3, diakses pada 14 Disember 2022, <https://ikr.inceif.org/handle/INCEIF/2889>.